

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 MAC 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI agih 2,700 "Qamus Digital" kepada 118 sekolah di Melaka	BERNAMA
2.	Suruhanjaya tenaga rampas pemadam elektrik dari enam premis di Sandakan	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 31 MAC 2017 (JUMAAT)



MOSTI Agih 2,700 "Qamus Digital" Kepada 118 Sekolah Di Melaka

MELAKA, 30 Mac (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Technology Park Malaysia** hari ini mengagihkan sebanyak 2,700 unit "Qamus Digital" kepada 118 sekolah di Melaka melibatkan peruntukan berjumlah RM300,000.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata "Qamus Digital" yang dibangunkan MyView System Sdn Bhd dan Universiti Teknologi Mara Kampus Alor Gajah merupakan program perintis yang dilaksanakan MOSTI di bawah dana Inovasi Sosial MOSTI (MSI) 2016.

Beliau berkata produk itu dibiayai MOSTI bagi membantu pengkomersilannya di negara selain membantu meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah secara lebih efektif dan mudah.

"Produk ini adalah yang ke-12 yang dibangunkan menerusi dana MSI 2016. Saya yakin inisiatif MSI ini merupakan satu lagi projek bermanfaat terutama untuk pelajar sekolah rendah dan menengah.

"Ia dapat membantu pelajar yang lemah dalam pembelajaran untuk belajar secara lebih kondusif," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan "Qamus Digital" di sini, hari ini.

"Qamus Digital" dibangunkan dengan 21 kamus standard antarabangsa yang dilengkapi beberapa teknologi pelbagai fungsi seperti sistem suara, semakan ejaan, program pembelajaran dan penguasaan Bahasa Inggeris, sistem penterjemahan dan mempunyai lebih 800,000 daftar kata.

Abu Bakar berkata produk berkenaan dijangka turut diagihkan kepada sekolah rendah dan menengah di sekitar Sabah dalam masa terdekat.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MyView System Sdn Bhd yang juga pengasas 'Qamus Digital' Kahar Udi berkata produk itu telah berada di pasaran Indonesia, Singapura, Brunei, India dan bakal menembusi pasaran Arab Saudi.

Dalam pada itu, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Rumput Rubaya Abu Nawas berkata penggunaan kamus berkenaan di sekolah dapat membantu pelaksanaan dasar memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkasakan Bahasa Inggeris.

"Menerusi "Qamus Digital", pelajar boleh memuat turun apa sahaja perkataan atau sebutan yang ingin dipelajari dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 31 MAC 2017 (JUMAAT)



Suruhanjaya Tenaga Rampas Pemadan Elektrik Dari Enam Premis Di Sandakan

SANDAKAN, 30 Mac (Bernama) -- Suruhanjaya Tenaga merampas alat pemadan elektrik bernilai RM4,000 yang tiada kelulusan Sirim dalam pemeriksaan di enam premis di sini, hari ini.

Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga Pantai Timur Sabah Mohd Yusrul Yusof berkata tanpa kelulusan Sirim dan sijil kelulusan Suruhanjaya Tenaga, alat pemadan itu tidak selamat digunakan oleh pengguna.

Katanya adalah menjadi kesalahan untuk mana-mana premis menjual peralatan elektrik tanpa label 'Sirim/St' atau 'Sirim/Eiu' mengikut Peraturan 97 dan Peraturan 98 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

"Suruhanjaya Tenaga mengawal 34 kategori kelengkapan elektrik di bawah peraturan tersebut," katanya ketika ditemui dalam operasi itu yang turut disertai pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan cawangan Sandakan.

Beliau berkata sebelum pemeriksaan dilakukan, pihaknya telah mengeluarkan notis kepada premis terbabit untuk tidak menjual alat pemadan elektrik yang tiada kelulusan **Sirim**.

Katanya tindakan merampas alat pemadan itu dilakukan kerana premis tersebut masih menjualnya.

Mohd Yusrul berkata alat pemadan elektrik itu yang diimport dari luar negara dipercayai dapat melepassi pemeriksaan Kastam sama ada diisythihar sebagai barang lain atau diseludup masuk ke negara ini.

-- BERNAMA